

19 FEB 2001

Fong - Pekerja

KEMENTERIAN TINGKATKAN USAHA BAWA PULANG PEKERJA MAHIR

MELAKA, 19 Feb (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia akan meningkatkan usaha membawa pulang pekerja rakyat Malaysia yang berkemahiran tinggi di luar negara.

Menterinya, Datuk Dr Fong Chan Onn berkata beliau percaya ramai rakyat Malaysia yang ingin pulang dan berkhidmat di dalam negara.

"Kita juga akan siarkan iklan di majalah-majalah asing dalam usaha memanggil rakyat Malaysia pulang, selain tawaran pekerjaan yang boleh dilayari menerusi laman web kementerian," katanya kepada pemberita selepas majlis meraikan masyarakat media massa di sini malam tadi.

Fong berkata kementerianya baru-baru ini telah ditugaskan sebagai kementerian yang bertanggungjawab menjalankan kempen menggalakkan para pekerja mahir rakyat Malaysia yang kini berkhidmat di luar negara untuk pulang.

Antara insentif dan galakan yang ditawarkan oleh kerajaan ialah memberi taraf pemastautin tetap kepada suami atau isteri dan anak-anak mereka yang terbabit.

Menurutnya sepanjang dua minggu lepas kementerian memulakan kempen itu menerusi laman webnya, 20 permohonan telah diterima termasuk 12 yang telah memberi butiran lengkap termasuk taraf kelayakan dan pengalaman bekerja.

"Manakala bagi lapan permohonan, kementerian telah meminta maklumat lanjut," katanya.

Fong berkata satu urusetia khas telah ditubuhkan untuk memproses permohonan itu dan beliau memberi jaminan tempoh maksimum satu bulan untuk kelulusan sewajarnya kepada permohonan yang layak.

Fong juga berkata kementerianya akan terus menyediakan lebih banyak program untuk golongan muda dan pekerja bagi melahirkan lebih ramai pekerja yang berkemahiran dalam K-ekonomi.

Beliau berkata kementerian mensasarkan untuk menyediakan latihan kepada 17,000 pekerja tahun ini, berbanding 4,000 pada tahun lepas, dalam bidang teknologi maklumat.

-- BERNAMA

NO RI